

Headline	Bas pintar ART perkasa pengangkutan awam Johor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	11	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	Razieman Mohd Yusoff	AdValue	RM 10,927
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,781



Bas pintar ART perkasa pengangkutan awam Johor

Pengangkutan awam nadi kehidupan seharian rakyat Malaysia dan lazimnya, ia sering dikaitkan dengan kepesatan pembangunan sesebuah negeri atau negara dan mempunyai potensi perniagaan yang boleh diterokai.

Menjelang 2045, Johor berazam menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama rakyat dan Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) adalah pihak bertanggungjawab dalam pemerkasaan sektor pengangkutan awam negeri ini.

Secara amnya, sistem pengangkutan awam merangkumi satu jaringan perkhidmatan yang menghubungkan rakyat dengan medium untuk menggalakkan pergerakan dari tempat asal ke lokasi yang ingin dituju bagi mencapai hasrat dan kemahuan.

Medium ini boleh ditakrifkan sama ada dengan menggunakan bas, teksi dan perkhidmatan e-hailing, kapal terbang atau kereta api.

Dalam mendepani cabaran menjadikan pengangkutan awam di Johor pi-

lihan utama rakyatnya, PAJ menggariskan Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor (PIPAJ) di mana Pelan Pengangkutan Hijau menjadi satu daripada empat terasnya.

Teras ini, secara am menggalakkan pelaksanaan dasar dan strategi teknologi hijau serta menurus kepada kelestarian alam sekitar.

Oleh itu, satu usaha dibangunkan di bawah Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) melalui inisiatif yang digerakkan Mobilus Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama antara Ireka Corporation Berhad dan CRRC Urban Traffic Co Ltd.

La satu daripada usaha memperkalkan pengangkutan bandar yang lestari dan mesra alam.

Tahun 2021 membuka lembaran baharu dalam sejarah sektor pengangkutan awam di Johor apabila perkhidmatan Rapid Transit Automatik (ART) diperkenalkan kepada umum.

Lonjakan baharu ini dianggap anjakan paradigma kepada usaha kerajaan negeri untuk membudayakan pengangkutan awam dalam kehidupan seharian rakyatnya.

Teknologi bas pintar ini berupaya

menampung 300 penumpang dalam tiga gerabaknya pada kelajuan optimal 70 kilometer sejam (km/j), selari perkembangan teknologi masa kini yang lebih cenderung kepada teknologi hijau iaitu bas pintar.

Secara lazimnya, sesebuah bas konvensional bersifat boleh dipercayai, mudah diakses orang ramai, selamat dinaiki, tambang murah dan ditetapkan berdasarkan jarak laluan.

Selain itu, aspek penting dalam perkhidmatan bas adalah kewujudan permintaan terhadap sesuatu laluan dan penyediaan perkhidmatan bas bagi memenuhi permintaan pengguna.

Sebagai perbandingan, ART dilihat memiliki liputan perkhidmatan lebih menyeluruh dan mengurangkan pencemaran dengan penggunaan teknologi hijau.

Fasa pertama ART meliputi jaringan sejauh 51 kilometer (km) dan memiliki 39 stesen dari Skudai di Tebrau hingga Iskandar Puteri. Lebih menarik, fasa ini turut merangkumi 90 peratus populasi di wilayah Iskandar Malaysia dan boleh diibaratkan 'ayam tambatan' kepada seluruh rakyat Johor yang menginginkan perkhidmatan awam inklusif.

China negara terawal mengaplikasi


teknologi hijau ini pada 2018 di Huanan, sebuah wilayah berkeluasan 210,000km persegi dan mempunyai 67 juta penduduk.

Sebagai permulaan, kerajaan negara itu membina laluan 6.5km di bandar Zhuzhou selepas ia lulus ujian awal berdasarkan keadaan cuaca berbeza seperti sejuk dan panas di sekitar negara ketiga terbesar dunia itu.

Umpama aur dengan tebing, sewajarnya perkhidmatan ART yang akan dinikmati ini menjadi penghubung kepada rakyat dengan perkhidmatan pengangkutan awam Johor demi memastikan aspirasi kerajaan negeri dalam mencapai usaha menjadikan sektor ini pilihan utama rakyat menjelang 2045.

Jika usaha murni kerajaan negeri ini berjaya menarik lebih ramai orang menggunakan perkhidmatan awam, maka ia wajar dicontohi semua pihak kerana teknologi hijau dan kecerdasan pintar adalah satu langkah ke hadapan dalam mendepani cabaran dunia baharu.

Penulis adalah pensyarah *Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pasir Gudang*



Razieman Mohd Yusoff